

Mahmud Abbas utus surat kepada PM Israel
AFP
April 09, 2012

RAMALLAH 9 April - Presiden Palestin, Mahmud Abbas akan menghantar surat kepada Perdana Menteri Israel 17 April ini bagi mengadakan rundingan damai yang terhenti sejak 2010, kata seorang pegawai negara itu semalam.

Surat itu dijangka meletakkan syarat Palestin untuk kembali mengadakan rundingan secara langsung yang kali terakhir sejak akhir September 2010.

Sumber yang enggan dikenali itu berkata, surat itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu oleh delegasi kanan Palestin. - AFP

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0409&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_05.htm